



SATU KAJIAN MENGENAI  
UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN DALAM ISLAM  
SERTA  
PERLAKSANAANNYA MENGIKUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
DI MALAYSIA

Oleh:

NUR ZAKIAH BT. MOKHTAR

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
ORDER NO: <i>GIFT</i>	LOCATION:
DATE RECEIVED: <i>6/9/92</i>	<i>M</i>
ACC. NO:	<b>128771</b>
CALL NO:	

KERTAS PROJEK INI IALAH SATU LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARI KEPERLUAN DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN  
KEHAKIMAN ISLAM PADA SESSI 1991/92

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA

1992

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kehadiran Allah S.W.T. yang telah memberikan limpah dan kurniaNya serta taufik dan hidayahNya memberi kesempatan kepada penulis untuk menyiapkan kertas projek ini sebagai syarat untuk mendapat Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pensyarah yang juga merupakan penyelia penulis, yang berbahagia Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim, Sheikh Kulliyah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa yang telah memberi nasihat dan tunjuk ajar serta kritikan sehingga selesainya kertas projek ini.

Disini penulis ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua ibu bapa yang telah memberi dorongan kepada penulis untuk menyiapkan kertas projek ini.

Disamping itu juga, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Cik Rozie yang telah meminjamkan komputer sehingga selesainya kertas projek ini dan tidak lupa kepada rakan seperjuangan yang telah memberi dorongan dalam menyiapkan kertas projek ini.

Dengan kertas projek ini penulis berharap ia dapat memberi kefahaman yang lebih jelas mengenai undang-undang keluarga Islam dan perlaksanaannya di Malaysia.

## KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan .....	1
Kandungan .....	ii
Senarai Kes-kes .....	iv
Pendahuluan .....	1
<b>Bab 1 : PERKAHWINAN</b>	
- Pengenalan Kepada Perkahwinan .....	3
A. Pertunangan .....	6
B. Rukun Dan Syarat Perkahwinan .....	13
C. Umur Perkahwinan .....	24
D. Persetujuan Pihak-pihak Kepada Perkahwinan .....	27
E. Perkahwinan Yang Dilarang .....	31
F. Poligami .....	36
G. Maskahwin Dan Pemberian .....	45
H. Pendaftaran Perkahwinan .....	51
<b>Bab II: PERCERAIAN DAN PEMBUBARAN PERKAHWINAN</b>	
- Pengenalan .....	56 ✓
1. Talak .....	57
2. Ta'lik .....	72
3. Fasakh .....	79
4. Khulu' .....	85
5. Anggapan Kematian .....	91
- Iddah .....	93
- Rujuk .....	96

**Bab III: KESAN-KESAN DARI PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN**

- Pengenalan .....	103
1. Hadhanah .....	104
2. Mut'ah .....	116
3. Nafkah .....	121
4. Harta Sepencarian .....	126
PENUTUP .....	137
BIBLIOGRAFI .....	139

## SENARAI KES

Abd. Razak lwn. Maria Menado (1965) 1 MLJ xvi .....	16
Abd. Aziz lwn. Che' Pa (1972) 2 JH 113 .....	83
Aishah bt. Abdul Rauf lwn. Wan Mohd. Yusuf (1990).....	41
Amdan lwn. Ghazali (1979) 3 JH 122 .....	76
Atikah lwn. Razali (1978) 6 JH 108 .....	83
Azizah bt. Mat lwn. Mat bin Salleh (1976) 2 JH 251 .....	21
Che' Pa lwn. Siti Rahmah (1976) 2 JH 244 .....	89
Hj. Hanafiah lwn. Rokiah (1970) 2 JH 103 .....	68
Hayati lwn. Ayob (1991) 7 JH 246 .....	125
Hosni lwn. Norsiah (1991) 7JH 251 .....	125
Hussin lwn. Saayah (1991) 7 JH 35 .....	22
Ismail lwn. Aris Fadilah (1980) 5 JH 326 .....	21
Ibrahim lwn. Fatimah (1971) 1 JH (1) 74 .....	67
Janat lwn. Khuda Baskh (1911) 2 FMSLR 61 .....	49
Mashitah lwn. Hussain (1972) 2 JH 153 .....	83
Mansor lwn. Che' Ah (1975) 2 JH 261 .....	112
Mohamad Koyamo lwn. Sapura (1974) 5 JH 352 .....	112
Nafsiah lwn. Abd. Majid (1969) 2 MLJ 174 .....	10
Ningal lwn. Jamal (1988) 6 JH 243 .....	119
Nooranita lwn. Faeiz (1988) 7 JH 52 .....	111
Noorbee lwn. Ahmad Shanusi (1978) 1 JH (2) 63 .....	126
Piah lwn. Che' Lah (1983) 3 JH 220 .....	120
Raman lwn. Hasnah (1971) 3 JH 107 .....	50
Rajamah lwn. Abd. Wahab (1991) 7 JH 171 .....	43
Ramah lwn. Laton (1927) 6 FMSR 116-128 .....	128
Rokiah lwn. Mohd. Idris (1990) 7 JH 111 .....	118

Re Elang (15/1 JMBRAS) (1937) .....	127
Roberts lwn. Umni Kalthum (1966) 1 MLJ 163 .....	131
Rojmah lwn. Mohsin (1991) 3 MLJ xxxi .....	57
Shaari lwn. Teh (1966) 3 JH 108 .....	50
Siti Hawa lwn. Mohd. Redzuan (1991) 7 JH 180 .....	98
Sy. Abdullah al-Shatiri lwn. Sh. Salmah (1959) 2 MLJ 137 ...	29
Talib lwn. Che' Sapiah (1979) 1 JH (1) 84 .....	90
Tg. Anom Zaharah lwn. Dato' Dr. Hussein (1980) 3 JH 125 ....	119
Tuminah lwn. Ariffin (1982) 4 JH 84 .....	77
Visvalingam lwn. Visvalingam (1980) 1 MLJ 10 .....	16
Wan Abd. Aziz lwn. Siti Aishah (1975) 1 JH (1) 47 .....	113
Yang Chik lwn. Jamal (1986) .....	132
Zawiah lwn. Mohd. Nor (1985) 5 JH 366 .....	77
Zubaidah bt. Othman & Mohd. Nor bin Mohamad lwn. Sopiah bt. Elam & Johan Hans Weiss Abdullah (1990) 2 KJUM 143 .....	113

## PENDAHULUAN

Didalam kertas projek ini penulis akan cuba membincangkan mengenai undang-undang perkahwinan serta perceraian didalam Islam, kesan-kesannya, pelaksanaan undang-undang mengenainya di Malaysia serta kes-kes berkaitan.

Kertas projek ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian:

Bab I akan meliputi perbincangan mengenai pertunangan, rukun serta syarat perkahwinan, umur perkahwinan, kepentingan keizinan dalam perkahwinan, perkahwinan yang dilarang dalam Islam, poligami, maskahwin dan pemberian serta pelaksanaan undang-undang Keluarga di Malaysia yang merangkumi perkara-perkara tersebut di atas serta kepentingan pendaftaran perkahwinan dalam masyarakat hari ini.

Kemudian di dalam Bab II akan dibincangkan pula mengenai perceraian di dalam Islam dan konsepnya di Malaysia melalui pelaksanaan undang-undang yang dijalankan melalui undang-undang di Malaysia.

Seterusnya didalam Bab III akan dibincangkan pula mengenai kesan-kesan yang timbul dari perkahwinan dan perceraian mengikut pandangan Hukum Syarak serta pelaksanaannya menerusi Enakmen Keluarga Islam.

Enakmen Keluarga Islam yang digunakan di negeri-negeri di Malaysia boleh dikatakan terbahagi kepada dua, yang pertama iaitu negeri-negeri yang mengikut draf asal yang dibuat oleh Jabatan Peguam Negara. Negeri-negeri ini termasuklah Wilayah Perseku-

tuan, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan lain-lain lagi. Kemudian ia diikuti oleh negeri lain seperti Johor dan Perlis dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf yang asal.

Draf yang asal ini banyak mengikut undang-undang di India dan Pakistan yang dipengaruhi oleh mazhab Hanafi.

Manakala draf yang kedua pula ialah Kelantan yang mempunyai drafnya sendiri yang lebih menekankan undang-undang mengikut mazhab Syafie yang menjadi mazhab rasmi di Malaysia. Oleh itu kita dapati undang-undang di Kelantan mempunyai beberapa perbezaan dengan negeri-negeri yang lain.

Dengan demikian dalam perbincangan ini di dalam menerangkan pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di Malaysia penulis hanya menyebut perbezaan di antara Wilayah Persekutuan dan Kelantan kerana terdapat perbezaan diantara keduanya. Oleh itu tidak perlu disebutkan lagi undang-undang keluarga Islam di negeri lain kerana undang-undangnya hampir menyamai undang-undang keluarga Islam di Wilayah Persekutuan.



## **BAB I: PERKAHWINAN**

- PENGENALAN KEPADA PERKAHWINAN
- A. PERTUNANGAN
- B. RUKUN DAN SYARAT PERKAHWINAN
- C. UMUR PERKAHWINAN
- D. PERSETUJUAN PIHAK-PIHAK KEPADA PERKAHWINAN
- E. PERKAHWINAN YANG DILARANG
- F. POLIGAMI
- G. MASHAHWIN DAN PEMBERIAN
- H. PENDAFTARAN PERKAHWINAN

## Pengenalan kepada Perkahwinan

Perkahwinan merupakan satu perkara yang telah disyariatkan oleh Allah. Ini adalah kerana tujuan penciptaan manusia di mukabumi ini adalah sebagai khalifah Allah untuk meneruskan syiarNya. Perkahwinan merupakan satu-satunya cara untuk membiakkan generasi manusia dan memelihara zuriat mereka agar tidak timbulnya kekeliruan didalam menentukan nasab.

Dalil pensyariatan mengenai perkahwinan dapat kita lihat dari firmanNya yang bermaksud:(1)

"Dan diantara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya bahawa Dia menciptakan untuk kamu(lelaki) isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan diantara kamu(suami-isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan(yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir."

Melalui perkahwinan juga umat manusia dapat melatih diri mereka dalam membentuk masyarakat yang baik. Ini adalah kerana masyarakat yang baik berasal daripada keluarga yang baik yang diasaskan melalui perkahwinan yang sebenarnya.

Perkahwinan itu suatu daripada ketinggian moral manusia; iaitu mencari ketenteraman jiwa yang boleh mewujudkan keimanan dan kedamaian. Ini merupakan suatu tanggungjawab terhadap masyarakat. Sesiapa yang enggan berkahwin bererti dia melarikan diri daripada memikul tanggungjawab di dalam masyarakat dan rendah

jiwanya.

Perkahwinan dalam Islam merupakan satu perjanjian suci diantara suami-isteri. Ini adalah berdasarkan firman Allah yang bermaksud: (2)

"Dan mereka (isteri-isterimu) telah mengambil dari kamu perjanjian yang kuat."

Ini menunjukkan bahawa wanita mengambil dari lelaki perjanjian yang luhur, iaitu perjanjian kahwin. Ia merupakan satu perjanjian dimana setiap pihak bertanggungjawab keatas pihak yang lain. Perkataan 'perjanjian yang kuat' disini bererti keduanya saling memelihara dan berkasih sayang antara satu sama lain. (3)

#### 1. Takrif Perkahwinan

Dari segi bahasa perkahwinan boleh ditakrifkan sebagai berkumpul atau berhimpun. Manakala dari segi istilah ia boleh ditakrifkan sebagai akad dengan menggunakan perkataan nikah atau tazwij atau terjemahannya yang mengharuskan persetujuan.

#### 2. Dalil Pensyariaan

Allah telah menggalakkan perkahwinan sebagaimana firmanNya yang bermaksud: (4)

"Kahwinilah dengan perempuan-perempuan yang kamu berkenan; dua, tiga atau empat, tetapi jika kamu takut tidak dapat berlaku adil maka kahwinilah dengan seorang sahaja."

### 3. Tujuan Perkahwinan: (5)

Ny. Soemiyati telah mengutarakan beberapa tujuan perkahwinan. Antara lainnya adalah seperti berikut:

a) Untuk memperoleh keturunan yang sah yang merupakan tujuan pokok dari perkahwinan itu sendiri. Anak ini akan menjadi penyambung keturunan. Melalui perkahwinanlah penyambung keturunan yang sah dan teratur dapat terlaksana.

b) Untuk memenuhi tuntutan naluriah atau hajat tabiat kemanusiaan. Dengan perkahwinan, pemenuhan tuntutan tabiat kemanusiaan dapat disalurkan secara sah. Sekiranya tiada saluran yang sah, manusia akan banyak melakukan perbuatan-perbuatan yang menimbulkan hal-hal yang tidak baik dalam masyarakat dan akhirnya zuriat akan menjadi kacau bilau dan bercampur aduk.

c) Untuk menjaga manusia dari kejahatan dan kerosakan. Ini adalah kerana manusia mudah terpengaruh dengan hawa nafsu yang menyebabkan mereka tidak boleh membezakan antara yang baik dan buruk.

d) Untuk membentuk dan mengatur rumahtangga yang merupakan asas pertama dari masyarakat yang besar diatas dasar kecintaan dan kasih sayang.

e) Untuk menumbuhkan kegiatan dalam berusaha mencari rezeki yang halal dan memperbesarkan rasa tanggungjawab.

## A. PERTUNANGAN

Pertunangan merupakan janji untuk berkahwin. Ianya bukanlah kontrak atau satu ikatan perkahwinan. Di Malaysia, pertunangan bermula dengan pihak lelaki mengemukakan permohonan untuk berkahwin iaitu dengan meminang bakal isteri. Kebiasaannya ia diuruskan oleh keluarga kedua-dua belah pihak. Dengan itu ia boleh dilakukan samada secara langsung atau melalui perantaraan.

### 1. Hukum Peminangan

Peminangan juga tidak boleh dilakukan kepada sebarang orang kerana ia hanya boleh dilakukan keatas seorang gadis yang masih belum bertunang atau terhadap janda yang telah tamat tempoh iddahnya. Walaubagaimanapun hukumnya adalah harus jika dilakukan keatas janda yang telah diceraikan dengan talak bain secara sindiran sahaja sebagaimana yang dimaksudkan dengan firman Allah yang bermaksud: (6)

"Tidak ada halangan atasmu untuk meminang perempuan dengan jalan sindiran."

Perempuan yang didalam iddah raj'iah adalah haram dipinang kerana ia masih merupakan isteri kepada lelaki yang menceraikannya. Ini adalah kerana mereka boleh rujuk sebelum tamat tempoh 'iddahnya tanpa memerlukan akad yang baru.

Meminang perempuan yang telah dipinang oleh orang lain adalah haram hukumnya sebelum ternyata perempuan itu telah menolak peminangan tersebut. Ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah(S.A.W.) yang bermaksud: (7)

"Tidak halal bagi seorang mu'min meminang seorang perempuan yang sedang dipinang oleh saudaranya sehingga ternyata dia telah meninggalkannya."

Pihak perempuan juga boleh melakukan peminangan terhadap lelaki walaupun pada lazimnya pihak lelaki yang melakukannya. Apabila persetujuan telah diberi, berlakulah pertunangan. Kebiasaannya, terdapat tempoh tertentu bagi pertunangan sebelum perkahwinan dilakukan. Tempoh ini membolehkan kedua-dua belah pihak mengenali pasangan masing-masing. Oleh kerana itu jika terdapat sesuatu yang 'tidak diingini' (yang boleh menyebabkan tujuan perkahwinan tidak tercapai), pertunangan itu boleh diputuskan oleh mana-mana pihak; ini tidak dianggap melanggar kewajipan janji kerana ia bukanlah merupakan akad. Hanya setelah akad (nikah) dilakukan barulah kedua-dua pihak mempunyai tanggungjawab terhadap pasangan masing-masing. (8)

## 2. Kesan-kesan Pertunangan:

Setelah kita lihat kepada hukum-hukum melakukan peminangan, sekarang kita lihat pula kepada kesan-kesan dari keenggaran untuk berkahwin setelah pertunangan berlaku. Ini adalah kerana dalam masa pertunangan, kedua-dua pihak lelaki dan perempuan telah mengeluarkan perbelanjaan untuk menyempurnakannya.

Oleh kerana dalam masa pertunangan telah berlaku pemberian diantara kedua-dua pihak, dengan berlakunya penarikan diri darinya, adakah barang-barang yang telah diberikan sebagai hadiah mesti

dikembalikan atau dituntut semula.

Kita lihat terlebih dahulu kepada pendapat fuqaha' Islam terdahulu mengenai masalah ini. Telah berlaku perselisihan pendapat dikalangan mereka mengenai perkara ini:(9)

1) Golongan fuqaha' dari mazhab Hanafi berpendapat bahawa kedua-dua pihak harus mengembalikan barang-barang atau hadiah kepada pihak yang satu lagi jika barang-barang itu masih wujud iaitu kekal bentuknya. Tetapi jika benda itu sudah musnah, ia tidak perlu diganti dengan harganya. Ketetapan ini berlaku samada pihak yang memutuskan pertunangan itu lelaki atau perempuan. Alasan golongan ini ialah hadiah tersebut berhubung dengan janji untuk kahwin, oleh itu apabila janji itu dibatalkan hadiah harus dikembalikan.

2) Golongan fuqaha' dari mazhab Syafi'e pula berpendapat pihak peminang berhak mendapat kembali barang-barang yang telah diberikan kepada pihak yang dipinang sekiranya masih wujud dan berhak mendapat harganya sekiranya pemberian itu telah musnah.

3) Golongan fuqaha' dari mazhab Maliki pula membezakan antara pihak yang memutuskan pertunangan. Sekiranya pihak lelaki yang memutuskannya, pihak perempuan tidak wajib mengembalikan hadiah yang diterima. Sekiranya yang membatalkan pertunangan itu adalah pihak perempuan, adalah menjadi kewajipannya untuk memulangkan hadiah yang telah diberikan kepadanya oleh pihak lelaki.

Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia telah memberikan peruntukan khas berhubung perkara ini.

Peruntukan di Wilayah Persekutuan(10) menyebut bahawa pihak yang mungkir samada lelaki atau perempuan bertanggungjawab memulangkan pemberian pertunangan, jika ada atau nilainya dengan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu. Segala tindakan itu boleh dibuat melalui tindakan di Mahkamah.

Peruntukan undang-undang di Malaysia mengenai pertunangan adalah lebih kurang sama dimana pihak yang telah melakukan perjanjian untuk berkahwin secara bertunang dimestikan membayar segala perbelanjaan untuk berkahwin(dalam tempoh bertunang) sekiranya salah satu pihak enggan berkahwin tanpa sebarang sebab yang munasabah. Setiap permohonan untuk mendapatkannya hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk menentukan samada pihak yang satu lagi berhak mendapat gantirugi.

Walaupun peruntukan di Kelantan(11) menyebut bahawa kedua-dua pihak kepada pertunangan hendaklah memulangkan hadiah atau mengganti harganya kepada pihak yang satu lagi tanpa mengira pihak manakah yang telah memungkir perjanjian itu. Disamping itu pihak yang mungkir juga dikehendaki membayar mengikut perjanjian. Perkara ini mestilah ditentukan melalui tindakan dalam Mahkamah.

Oleh kerana pertunangan dianggap sebagai satu perjanjian untuk berkahwin, ia telah membuka ruang kepada Mahkamah sivil untuk



mempunyai bidang kuasa keatas kes-kes yang berkaitan dengannya. (Sebelum berlakunya pindaan kepada perkara 121 Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang akan dibincangkan nanti). Ini adalah kerana apabila ia dianggap sebagai satu perjanjian (kontrak) ia termasuk dibawah undang-undang kontrak dimana mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa keatasnya.

Ini adalah sebagaimana yang diputuskan didalam kes **Nafsiah lwn. Abd. Majid.** (12) Didalam kes ini, Nafsiah membuat hubungan dengan Abd. Majid yang diketahuinya telah mempunyai isteri dan anak. Hasil dari hubungannya, dia telah melahirkan seorang anak dan Abd. Majid enggan berkahwin dengannya. Nafsiah membuat tuntutan gantirugi diatas keengganan Abd. Majid di Mahkamah Tinggi.

Persoalan timbul dari segi bidang kuasa Mahkamah Tinggi kerana pihak-pihak dalam perkara ini adalah orang Islam dan keadaan ini telah diperuntukkan di bawah undang-undang keluarga Islam.

Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Sharma memutuskan perkara ini boleh dibicarakan di Mahkamah Tinggi berdasarkan pemecahan kontrak yang merupakan di bawah bidang kuasa Mahkamah awam. Sepatutnya perkara yang berhubung dengan perkahwinan orang Islam yang diperuntukkan melalui Enakmen yang memberi kuasa kepada Mahkamah syariah tidak lagi diputuskan lagi oleh Mahkamah awam.

Walaubagaimanapun, kemudiannya terdapat pindaan dilakukan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan di mana Mahkamah Syariah mempunyai kuasa yang lebih besar dan Mahkamah awam tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam perkara-perkara yang merupakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Pindaan yang dibuat oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 (Akta A704) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

121 (1) Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidang kuasa dan tarafnya, iaitu:

a) satu di Negeri-negeri Tanah Melayu yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Malaysia dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur.

b) satu di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Borneo dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftaran di mana-mana tempat di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di Pertuan Agung dan mana-mana mahkamah bawahan hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah Undang-undang Persekutuan.

(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Kesan daripada pindaan ini, sekarang Mahkamah awam tidak lagi mempunyai kuasa terhadap kes-kes yang merupakan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah termasuklah pertunangan dalam hal ini.

## Ulasan

Pertunangan adalah perjanjian untuk berkahwin. Dalam masyarakat hari ini ia telah diterima secara meluas sebagai satu kebiasaan. Kebiasaannya, pihak yang melakukan pertunangan ini mengeluarkan perbelanjaan yang banyak demi menjayakan pertunangan mereka. Oleh itu, sekiranya terdapat penarikan diri satu-satu pihak tanpa sebarang sebab yang munasabah, amat wajarlah bagi pihak yang satu lagi untuk mendapat gantirugi atas perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk pertunangan mereka. Peruntukan undang-undang mengenai perkara ini amatlah wajar memandangkan telah banyak kejadian yang berlaku melibatkannya. Dengan adanya peruntukan yang jelas mengenai perkara ini ia menjadi mudah untuk menyelesaikan kes-kes yang berhubung dengannya kerana hak setiap pihak yang terlibat telah digariskan oleh undang-undang.

## **B. RUKUN DAN SYARAT PERKAHWINAN**

Rukun perkahwinan adalah hakikat dari perkahwinan sendiri, oleh itu tanpa adanya salah satu rukun, perkahwinan tidak mungkin dilaksanakan.

Syarat pula merupakan sesuatu yang harus ada dalam perkahwinan tetapi tidak termasuk hakikat perkahwinan itu sendiri. Sekiranya salah satu syarat-syarat dari perkahwinan tidak dipenuhi maka perkahwinan itu tidak sah.(13) Didalam tiap-tiap rukun nikah itu terdapat syarat masing-masing yang mesti dipenuhi.

Terdapat lima perkara asas yang menjadi rukun perkahwinan iaitu:

1. Pengantin lelaki
2. Pengantin perempuan
3. Wali
4. Saksi
5. Akad nikah iaitu ijab dan kabul

Menurut peruntukan di Wilayah Persekutuan(14) sesuatu perkahwinan adalah tidak sah kecuali mencukupi semua syarat yang perlu mengikut hukum syara. Ia tidak menyebut dengan jelas apakah yang dimaksudkan dengan mencukupi semua syarat yang perlu mengikut Hukum Syara'. Berdasarkan ini bolehlah kita katakan setiap perkahwinan yang mematuhi segala syarat yang terkandung didalam Hukum Syara' adalah sah walaupun ia tidak mematuhi Enakmen Keluarga Islam.

Walaubagaimanapun Kelantan(15) nampaknya lebih tegas dalam memperkatakan hal ini dimana telah diperuntukkan bahawa perkahwinan

yang tidak mematuhi rukun-rukun dan syarat-syarat dalam Jadual Keempat (Seksyen 17) dibawah Enakmen ini dianggap tidak sah dan tidak boleh didaftarkan dibawahnya.

Sekarang kita lihat pula kepada rukun-rukun dan syarat-syarat yang telah diperuntukkan dibawah Enakmen ini. Terdapat lima perkara asas yang menjadi rukun nikah iaitu:

1. Lelaki yang menjadi bakal suami
2. Perempuan yang menjadi bakal isteri
3. Wali yang adil
4. Dua orang saksi yang adil
5. Ijab dan kabul

Setelah itu kita lihat pula kepada syarat-syarat yang merangkumi setiap rukun tersebut.

#### **(1) Bakal Suami**

Mengikut Enakmen Keluarga Islam Kelantan(16) setiap bakal suami hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Beragama Islam(17)
2. Tidak berihram haji atau umrah
3. Lelaki tertentu
4. Belum mempunyai empat orang isteri
5. Dengan kerelaan sendiri tanpa paksaan
6. Seorang lelaki dan bukan khunsa musykil

Wilayah Persekutuan juga mensyaratkan bakal suami hendaklah seorang yang beragama Islam.(18)

## **(2) Bakal Isteri**

Setiap bakal isteri hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Islam
2. Perempuan tertentu
3. Bukan merupakan muhrim atau perempuan yang haram dikahwini.
4. Bukan isteri kepada lelaki lain atau dalam iddah.

Kita lihat terlebih dahulu kepada syarat yang pertama iaitu bakal isteri hendaklah beragama Islam.

Kelantan(19) memperuntukkan dengan jelas bahawa setiap bakal isteri mesti beragama Islam, oleh itu seorang lelaki Islam tidak boleh berkahwin dengan perempuan bukan Islam walaupun Hukum Syara' membenarkan perkahwinan dengan perempuan Kitabiyah sebagaimana yang disebut dalam firmanNya:(20)

"Dan dihalalkan juga perempuan-perempuan merdeka yang beriman dan perempuan merdeka dari orang keturunan Kitab sebelum kamu."

Walaupun begitu Wilayah Persekutuan(21) membenarkan perkahwinan seorang lelaki Islam dengan perempuan Kitabiyah. Namun demikian kitabiyah diberi tafsiran yang ketat dimana ia diberi tafsiran seperti berikut:(22)

- a) seorang perempuan dari keturunan Bani Ya'qub, atau
- b) seorang perempuan Nasrani dari keturunan orang Nasrani sebelum Nabi Muhamad menjadi Rasul
- c) seorang perempuan Yahudi dari keturunan orang Yahudi sebelum Nabi Isa menjadi Rasul.

Sekarang kita lihat pula kepada tafsiran Kitabiyah yang diberi

oleh fuqaha'. Golongan Hanafi menyatakan makna Kitabiyah adalah sangat luas meliputi mana-mana perempuan Yahudi atau Kristian. Manakala golongan Syafi'e, pula mentafsirkannya dengan lebih ketat. Untuk menjadi seorang Kitabiyah, seorang perempuan itu mestilah merupakan seorang Yahudi atau Kristian sebelum kedatangan Nabi Muhamad. Seseorang yang memeluk Kristian iaitu dengan menukar agamanya selepas kedatangan Nabi Muhamad tidak boleh dianggap sebagai Kitabiyah.(23)

Dengan ini jelaslah kepada kita bahawa tafsiran yang diberi didalam Enakmen tersebut adalah berdasarkan mazhab Syafi'e, oleh itu hanya orang yang memenuhi kriteria tersebut boleh dianggap sebagai Kitabiyah.

Sekarang kita lihat pula kepada kes-kes yang telah diputuskan mengenai perkahwinan dengan Kitabiyah.

Didalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah Singapura, **Abd. Razak dan Maria Menado**(24) dimana perkahwinan berlaku diantara seorang lelaki Islam dan perempuan Kristian secara Islam. Oleh kerana perempuan itu merupakan dari keluarga yang menganut Kristian selepas kedatangan Nabi Muhamad(S.A.W.) dia tidak boleh dianggap sebagai Kitabiyah.

Didalam kes **Visvalingam lwn. Visvalingam**(25) pula, Mahkamah memutuskan seorang perempuan Hindu yang memeluk Kristian tidak boleh dianggap sebagai Kitabiyah oleh itu perkahwinan mereka terbatal.

## **Ulasan**

Daripada dua kes yang disebut diatas, dapatlah kita simpulkan bahawa tafsiran yang diberi kepada Kitabiyah sangat ketat dan untuk menjadi seorang Kitabiyah seseorang itu mestilah merupakan penganut asal Yahudi atau Nasrani atau Kristian sebelum kedatangan Nabi Muhamad. Sesiapa yang memeluk Kristian selepas itu tidak lagi tergolong sebagai Ahli Kitab. Dengan ini walaupun kita dapati Enakmen membenarkan seorang lelaki Muslim berkahwin dengan perempuan Kitabiyah, amatlah sukar untuk melaksanakannya kerana syarat yang ketat merangkuminya.

### **(3) Wali**

Wali merupakan orang yang mempunyai kuasa atau wilayah dalam mengahwinkan seseorang perempuan. Ia merupakan salah satu dari rukun nikah.

Jumhur fuqaha' bersependapat dalam menyatakan perkahwinan tidak diakui sah kecuali dengan mendapat persetujuan wali. Ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Sayidatina Aishah yang bermaksud: (26)

"Tiada perkahwinan kecuali berwali."

Dalam hadis yang lain yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah(r.a.) yang bermaksud: (27)

"Perempuan jangan mengahwinkan dirinya sendiri kerana penzinalah yang mengahwinkan dirinya."